

PTG Kelantan disaran bertindak tegas terhadap pengusaha ladang cemari alam sekitar


Rampas tanah di Lojing, Gua Musang

KOTA BHARU – Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2014 Siri 3 mengesyorkan Pejabat Tanah dan Galian (PTG) Kelantan merampas tanah yang diberi milik kepada pengusaha ladang di Tanah Tinggi Lojing, Gua Musang yang mengingkari syarat yang ditetapkan.

Majlis Daerah Gua Musang pula perlu mengambil tindakan tegas termasuk mengambil tindakan mahkamah terhadap pengusaha pertanian yang ingkar, menurut laporan itu.

Laporan itu menyatakan, ini adalah kerana pengauditan yang dijalankan antara Jun dan September lepas mendapati pada keseluruhannya, pengurusan aktiviti pembangunan tanah tinggi dan kesannya kepada alam sekitar di Tanah Tinggi Lojing adalah kurang memuaskan.

Sehubungan itu, Jabatan Pengairan dan Saliran Kelantan perlu mengenal pasti semua anak sungai di kawasan Lojing dengan mewartakannya dan mengambil tindakan ke atas pengusaha yang melakukan pencerobohan rizab sungai atau mencemari sungai manakala



LAPORAN Ketua Audit Negara mengesyorkan PTG Kelantan merampas tanah yang diberi milik kepada pengusaha ladang di Tanah Tinggi Lojing, Gua Musang kerana mencemari alam sekitar. – Gambar hiasan

Jabatan Pertanian Kelantan perlu mengawal penggunaan racun perosak pada tanaman makanan.

Jabatan Perhutanan Kelantan pula perlu memastikan kawasan Hutan Simpan Kekal tidak diceroboh dan mengambil tindakan undang-undang

terhadap penceroboh yang dikenal pasti selain menggunakan sepenuhnya kemudahan *remote sensing* (alat pengesan satelit) bagi memastikan kawasan yang diusahakan tidak melebihi keluasan yang dibenarkan, menurut laporan itu. – Bernama

Subsidi harga beras hancur tidak capai objektif

KUALA LUMPUR – Objektif utama pengenalan subsidi harga beras hancur sebanyak 15% iaitu Super Tempatan 15% (ST15%) untuk menampung kerugian Padiberas Nasional Berhad (Bernas) dalam membantu warganegara Malaysia mendapatkan beras pada harga murah tidak dicapai sepenuhnya dan kurang berkesan.

Menurut Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2014 Siri 3, kelemahan itu disebabkan oleh ketiadaan

stok beras subsidi di pasaran runcit kerana terdapat pengguna luar yang terdiri daripada golongan warganegara asing, pengusaha kedai atau gerai makan menggunakan beras tersebut selain dijadikan makanan haiwan peliharaan.

Semakan audit mendapati, Bernas yang telah membekalkan beras ST15% /S15% sebanyak 628,067 metrik tan (mt) bagi tahun 2012, 654,539 mt bagi tahun 2013 dan 708,201 mt

bagi tahun 2014 telah menuntut subsidi harga beras sejumlah RM505.66 juta bagi tahun 2012, RM528 juta bagi tahun 2013 dan RM511.52 juta bagi tahun 2014.

Bagaimanapun, peruntukan berjumlah RM3.336 bilion telah disediakan untuk membiayai program subsidi bagi tempoh tujuh tahun mulai tahun 2008 hingga 2014 berdasarkan 16 kontrak yang ditandatangani antara kerajaan dengan Bernas.

RINGKAS

Projek SCADA tidak dapat digunakan di Sarawak

KUALA LUMPUR – Sistem Kawalan Penyeliaan dan Perolehan Data (SCADA) bagi Projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) di Sarawak dan Kelantan bernilai RM6.3 juta tidak dapat digunakan akibat masalah kerja pemasangan antenna dan teknikal.

Menurut Laporan Ketua Audit Negara, sebahagian komponen projek tidak dimanfaatkan dengan optimum seperti sistem SCADA di Sibul, Sarawak dan Sungai Kelantan, Kelantan.

"SCADA bernilai RM1.44 juta bagi Projek RTB Sibul Fasa 2 tidak digunakan akibat masalah kerja pemasangan antenna sementara bagi projek RTB Sungai Kelantan Fasa 1 yang bernilai RM4.86 juta tidak dapat digunakan disebabkan masalah teknikal.

Pengurusan hartanah wakaf di Selangor kurang memuaskan

KUALA LUMPUR – Laporan Ketua Audit Negara 2014 Siri 3 mendapati pengurusan hartanah wakaf di negeri Selangor adalah kurang memuaskan dengan 87.6 peratus daripada hartanah wakaf yang didaftarkan sebagai hak milik Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) tidak diwartakan.

Laporan itu menyebut pengauditan yang dijalankan antara April hingga Julai 2015 mendapati tanah wakaf di negeri ini tidak dimanfaatkan dengan sebarang aktiviti selain terdapat kes pencerobohan.

Ketua Audit Negara turut mendapati daftar hartanah wakaf di Selangor tidak lengkap dan tidak kemaskini di samping kelewatan dalam melaksana serta menyelesaikan istibdal.

"Sebanyak 27.5 peratus hartanah wakaf masih belum didaftarkan hak milik MAIS," kata laporan audit itu.